



Ayat Suci Minggu ini

Yesaya 55: 6-9
Mazmur 144: 2-3, 8-9,
17-18
Filipi 1: 20-24, 27
Matius 20: 1-16



✠
“Salib Kristus
merangkum seluruh
kasih Allah, seluruh
belas kasihan-Nya
yang tidak
terhingga.”

- Paus Fransiskus

EDARAN DALAMAN SAHAJA
BUL 38/2026

Perjalanan SALIB, sebagai suatu tanda suci, boleh menjadi satu bentuk devosi bagi umat Katolik Malaysia. Salib ringkas yang berukuran sembilan kaki tinggi dan lima kaki lebar ini diperbuat daripada kayu dan disebut sebagai SALIB. Susunan sembilan SALIB itu menjadikan Perjalanan SALIB sebagai lambang kesatuan dalam kepelbagaian, persahabatan walaupun terdapat perbezaan, serta pendalaman persekutuan dengan Penyelamat kita.

Perjalanan SALIB mengingatkan kita bahawa pengalaman penderitaan dan keputusan bukanlah pengalaman segelintir orang sahaja, tetapi pengalaman sejagat. Umat Katolik harus menerima salib dengan penuh martabat dan kasih kepada Kristus yang Tersalib. Susunan sembilan SALIB yang membentuk ***Perjalanan SALIB*** mengingatkan kita bahawa pelbagai aspek kehidupan kita tidak terpisah, tetapi saling berkaitan dan saling bergantung. Oleh itu, kita tidak lagi melihat sebuah SALIB yang berdiri sendiri, tetapi SALIB yang bersatu.

Perjalanan SALIB dan, yang lebih penting, Yesus yang disalibkan meneguhkan kita bahawa kita tidak bersendirian. Keluarga kita, Gereja kita, masyarakat dan alam ciptaan juga tidak bersendirian, sebagaimana ditegaskan dalam Injil: “Aku menyertai kamu senantiasa sampai kepada akhir zaman” (Matius 28:20). Yesus hadir bersama kita dengan kasih-Nya. Melalui rahmat ini, kita dikuatkan untuk mengatasi setiap rintangan dalam kehidupan.

Peribahasa Bahasa Melayu, “Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing” dengan indah menggambarkan kebijaksanaan yang terdapat dalam Kitab Suci: “Berdua lebih baik daripada seorang diri, kerana mereka menerima upah yang baik daripada jerih payah mereka. Jika seorang jatuh, yang seorang lagi dapat mengangkat temannya. Tetapi malanglah orang yang jatuh seorang diri dan tidak mempunyai orang lain untuk menolongnya” (Pengkhotbah 4: 9-10).

Oleh itu, mulakanlah setiap hari dengan memikul SALIB anda dan mengikuti Kristus. Janganlah berjalan sendirian. Berjalanlah bersama-sama ketika kita meneruskan perjalanan iman dan kehidupan ini. ✠

Diterbitkan oleh: Archdiocesan Pastoral Institute (API) | Emel: api@archkl.org

NEWBEC

NEW WAY OF BEING CHURCH | Hari Minggu Biasa Ke-25 | 20 September 2026

BERJALAN BERSAMA KE ARAH SEBUAH GEREJA SINODAL DAN PROFETIK

Umat Untuk Pemuridan Misionari

FOKUS BULANAN: KELUARGA: Menjangkau Keluar

Perjalanan Salib



Perjalanan SALIB telah diberkati dan memulakan perjalanannya pada April 2025. Sejak itu, sembilan SALIB telah menjelajah kesemua sembilan keuskupan di Malaysia. Perjalanan ini berakhir pada September 2026 melalui perayaan Konvensyen Pastoral Malaysia 2026 di Sibul, Sarawak.